

GARIS PANDUAN DANA PENERBITAN BUKU UKM (DPB) FASA 2 2025

1. Dana Penerbitan Buku (DPB) merupakan dana yang dikhususkan untuk buku penyelidikan yang dibuka kepada semua kakitangan akademik aktif UKM.
2. Permohonan DPB Fasa 2 2025 dibuka mulai **05 hingga 28 Mac 2025** melalui pautan Borang Permohonan Dana Penerbitan Buku (DPB) Fasa 2 2025.
3. Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UKM mestilah lengkap mengikut gaya Penerbit UKM (rujuk *Panduan Penyediaan Manuskrip Buku dan Jurnal Penerbit UKM Edisi Ke-2*).
4. Keutamaan diberikan kepada manuskrip berdasarkan bidang berikut:
 - (a) Kajian serantau dan pembangunan berfokuskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)
 - (b) Kewangan, ekonomi dan perniagaan berlandaskan Islam
 - (c) Hubungan antarabangsa dan sains politik
 - (d) Kelestarian alam sekitar
 - (e) Kecerdasan buatan (AI)
5. Manuskrip yang diserahkan mestilah mengandungi **sekurang-kurangnya 30,000 patah perkataan** (tidak termasuk bahagian awalan dan rujukan). Jumlah bab minimum untuk karya asli dan karya tesis ke buku adalah **empat bab**. Manakala, karya suntingan adalah minimum **lapan bab**. Sekiranya manuskrip tidak mencapai ketetapan minimum yang ditetapkan, maka permohonan tidak akan diproses.
6. Bagi permohonan melibatkan karya tesis ke buku, manuskrip hendaklah dirombak ke bentuk buku mengikut gaya Penerbit UKM (rujuk *Panduan Penyediaan Manuskrip Buku dan Jurnal Penerbit UKM Edisi Ke-2*).
7. Bagi permohonan melibatkan karya asli/suntingan, manuskrip hendaklah dinilai terlebih dahulu oleh pakar bidang. Penilaian hendaklah diuruskan oleh PTj masing-masing. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan bersama permohonan (rujuk *Panduan Penilaian Manuskrip Penerbit UKM* yang boleh dimuat turun dari laman web Penerbit UKM. https://www.ukm.my/penerbit/wp-content/uploads/2025/03/INFOGRAFIK_GPPM_2025A.pdf
8. Penulisan hanya dibenarkan dalam salah satu bahasa sahaja sama ada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
9. Jumlah pengarang bagi setiap manuskrip tidak boleh melebihi tiga (3) orang.
10. Pemohon tidak boleh menghantar lebih daripada satu permohonan. Penerima DPB Fasa 1 2025 juga tidak layak memohon DPB Fasa 2 2025.
11. Manuskrip yang lulus permohonan DPB perlu diterbitkan pada tahun 2025. Sekiranya tidak diterbitkan pada tahun 2025, dana akan ditarik balik.

12. Pengarang yang akan bersara pada tahun 2025 tidak dibenarkan membuat permohonan.
13. Pemohonan yang berjaya akan dimaklumkan secara rasmi menerusi e-mel dan sekiranya tiada jawapan diterima selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.
14. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:
Urus setia
Dana Penerbitan Buku Penerbit UKM
E-mel: urusetiadpbpenerbit@ukm.edu.my
No. Tel: 03-89215611/5370

Disediakan oleh: Penerbit UKM,05032025